

Kerajaan sokong penyelidikan pembangunan rumpai laut UMS

DE 4.11.2014 3
Larissa Lumandan

KOTA KINABALU: Kerajaan Negeri menyokong Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerusi Unit Penyelidikan Rumpai Laut (UPRL) dalam pembangunan penyelidikan rumpai laut untuk meningkatkan ekonomi Negeri dan membasi kemiskinan.

Pembantu Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Sairin Karno berkata, ini adalah kerana institusi awam tinggi memainkan peranan penting dalam menghasilkan generasi masa depan yang berpengetahuan untuk terlibat dalam industri rumpai laut.

"Penyelidikan dan pembangunan produk tersebut bukan sahaja akan meningkatkan produktiviti malahan juga untuk menambah baik keberkesanannya kos bagi memenuhi keperluan pasaran tempatan dan global," katanya semasa merasmikan Pameran Rumpai Laut UMS 2014 di Dewan Canselor universiti itu di sini pada Isnin.

Sabah, jelas beliau, terkenal dengan perairannya yang sesuai untuk rumpai laut yang pelbagai seperti rumpai laut merah (*Kappaphycus alvarezii*) dan rumpai laut hijau (*Caulerpa lentillifera*).

Dengan itu, Sairin berkata, kerana kawasan Pinggir Pantai Timur Sabah telah dikenalpasti sebagai perairan terbaik untuk industri rumpai laut, ianya diiktiraf sebagai Zon Industri Akuakultur Rumpai Laut.

Beliau menyatakan bahawa produk-produk rumpai laut mempunyai pasaran luas dari segi pembuatan berteraskan makanan dan produk-produk berteraskan bukan makanan.

"Industri rumpai laut dijangka akan dibangunkan dalam Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10). Dasar Agromakanan Negara 2011-2020 telah mengenal pasti rumpai laut sebagai salah satu komoditi perikanan yang sepatutnya ditingkatkan."

"Penghasilan rumpai laut dijangka meningkat sehingga 900,000 tan metrik dengan nilai eksport bagi rumpai laut kering dan carrageenan bernilai kira-kira RM1.4 bilion pada 2020," katanya sambil menambah



Australia, Kanada dan Jepun adalah pengimpor utama rumpai laut kering.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah mengambil langkah strategik untuk menaik taraf kumpulan pengusaha rumpai laut berskala kecil ke dalam kelompok menerusi peruntukan kemudahan yang teratur yang mampu mewujudkan persekitaran pekerjaan yang lebih sesuai dan selamat.

Sementara itu, Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata, pihak universiti telah terlibat dalam penyelidikan rumpai laut sejak 1998 menerusi projek Perumahan Miskin Tegar (PPRT) di Pulau Bangi.

"Projek itu adalah sebahagian daripada usaha untuk membantu menambah pendapatan penduduk menerusi penanaman rumpai laut," katanya sambil menambah projek tersebut telah menjalani beberapa siri inovasi dan penambah baikan oleh kumpulan penyelidik universiti berkenaan berupaya mengenal pasti pelbagai masalah yang dihadapi pengusaha-pengusaha rumpai laut di Sabah.

Beliau turut berkata, rekaan 'Budaya Rumpai Laut menerusi Estet Mini' juga telah dijadikan sebagai model untuk meningkatkan pendapatan petani-petani dan negara selain membuka lebih banyak pelu-

ang peluang pekerjaan.

"Di UMS, produk-produk rumpai laut berteraskan makanan telah dibangunkan menerusi penyelidikan oleh penyelidik di Fakulti Sains Makanan dan Nutrisi. Kumpulan penyelidik berkenaan juga memenangi pingat perak pada Pameran dan Persidangan BioMalaysia 2010 menerusi produk mi rumpai laut.

"Produk-produk rumpai laut telah dibangunkan secara agresif menerusi penghasilan acar rumpai laut, buih teh rumpai laut, coklat rumpai laut, dodol rumpai laut dan lain-lain lagi," katanya sambil menjelaskan bahawa rumpai laut mengandungi sumber mineral yang tinggi, protein, vitamin, tahap lipid yang rendah, Omega-3 selain berperanan sebagai mencegah darah beku dan sebagai agen mengurangkan tekanan darah.

Acara itu turut menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) diantara Harun dan Ketua Pegawai Eksekutif merangkap Penggerusi Standards and Institut Penyelidikan Malaysia (Sirim), Datuk Dr Zainal Abidin Mohd Yusof.

Majlis menandatangan MoU itu dilakukan bagi memperkuatkan kerjasama kedua-dua pihak dari segi penyelidikan dan inovasi rumpai laut.

HARUN (kedua dari kiri) dan Zainal (kedua dari kanan) bersama Sairin (berdiri tengah) semasa majlis menandatangani MoU tersebut.